



23 Disember 2016
23 December 2016
P.U. (A) 357

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PELAPORAN
MENGIKUT NEGARA) 2016

*INCOME TAX (COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTING)
RULES 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PELAPORAN MENGIKUT NEGARA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan mengikut Negara) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi suatu kumpulan perbadanan multinasional yang—

(a) mana-mana entiti konstituennya mempunyai transaksi rentas sempadan dengan entiti konstituennya yang lain;

(b) jumlah hasil kumpulan disatukan dalam tahun kewangan sebelum tahun kewangan pelaporan ialah sekurang-kurangnya tiga bilion ringgit;

(c) syarikat pemegangannya diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan bermastautin di Malaysia; dan

(d) entiti konstituennya diperbadankan atau berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia dan bermastautin di Malaysia.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“entiti konstituen” ertinya—

- (a) mana-mana unit perniagaan yang berasingan suatu Kumpulan MNC yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan MNC itu, atau akan dimasukkan jika kepentingan ekuiti dalam unit perniagaan itu diniagakan di bursa sekuriti awam;
- (b) mana-mana unit perniagaan yang berasingan yang dikecualikan daripada penyata kewangan disatukan Kumpulan MNC semata-mata atas alasan saiz atau kepentingan;
- (c) mana-mana establismen tetap mana-mana unit perniagaan yang berasingan Kumpulan MNC yang disebut dalam perenggan (a) atau (b), dengan syarat unit perniagaan itu menyediakan penyata kewangan berasingan bagi establismen tetap itu bagi maksud pelaporan kewangan, pengawalseliaan, pelaporan cukai, atau kawalan pengurusan dalaman;

“entiti pelapor” ertinya syarikat pemegang muktamad, atau jika perenggan 5(2)(a), (b) atau (c) terpakai, syarikat pemegang pengganti;

“kumpulan perbadanan multinasional” (selepas ini disebut sebagai “Kumpulan MNC”) ertinya suatu kumpulan perbadanan yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perbadanannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—

- (a) dua atau lebih perbadanan yang mastautin cukainya adalah dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau
- (b) suatu perbadanan yang bermastautin di Malaysia dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Malaysia;

“Laporan mengikut Negara” ertinya laporan yang disebut dalam kaedah 4;

“Perjanjian Antarabangsa” ertinya—

- (a) Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai;
- (b) mana-mana konvensyen cukai dua hala atau pelbagai hala; atau
- (c) mana-mana perjanjian pertukaran maklumat cukai,

yang Kerajaan merupakan suatu pihak dan terma-termannya memperuntukkan autoriti undang-undang bagi pertukaran maklumat cukai antara Kerajaan dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia, termasuk pertukaran automatik maklumat itu;

“syarikat pemegangan muktamad” ertinya suatu entiti konstituen suatu Kumpulan MNC yang memiliki secara langsung atau tidak langsung suatu kepentingan yang mencukupi dalam satu atau lebih entiti konstituen yang lain Kumpulan MNC itu;

“syarikat pemegangan pengganti” ertinya suatu entiti konstituen suatu Kumpulan MNC yang bermastautin di Malaysia dan dilantik oleh Kumpulan MNC itu sebagai pengganti tunggal bagi syarikat pemegangan muktamad untuk memfailkan Laporan mengikut Negara di bawah subkaedah 5(2);

“tahun kewangan” ertinya suatu tempoh perakaunan tahunan yang berkenaan dengannya syarikat pemegang muktamad Kumpulan MNC itu menyediakan penyata kewangannya; dan

“tahun kewangan pelaporan” ertinya tahun kewangan yang keputusan kewangan dan operasinya ditunjukkan dalam Laporan mengikut Negara.

Laporan mengikut Negara

4. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, suatu Laporan mengikut Negara berkenaan dengan suatu Kumpulan MNC hendaklah mengandungi—

- (a) maklumat agregat yang berhubungan dengan jumlah hasil, keuntungan atau kerugian sebelum cukai pendapatan, cukai pendapatan yang telah dibayar, cukai pendapatan yang terakru, modal yang dinyatakan, perolehan terkumpul, bilangan pekerja, dan aset ketara selain tunai atau yang setara dengan tunai berkenaan dengan setiap wilayah bidang kuasa yang di dalamnya Kumpulan MNC itu beroperasi; dan
- (b) pengenalpastian setiap entiti konstituen Kumpulan MNC itu yang menyatakan wilayah bidang kuasa mastautin cukai entiti konstituen itu, dan jika berlainan daripada wilayah bidang kuasa mastautin cukai itu, wilayah bidang kuasa yang di bawah undang-undangnya entiti konstituen itu diuruskan, dan sifat aktiviti perniagaan utama atau aktiviti entiti konstituen itu.

(2) Maklumat kewangan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah disebut dalam Ringgit Malaysia.

(3) Laporan mengikut Negara hendaklah difailkan mengikut borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta dalam medium elektronik, atau melalui penghantaran elektronik, dalam format bahasa penanda boleh perluas.

Kewajipan pemfailan

5. (1) Syarikat pemegangan muktamad Kumpulan MNC yang bermastautin di Malaysia hendaklah memfailkan Laporan mengikut Negara yang mematuhi kehendak kaedah 4 dengan Ketua Pengarah berkenaan dengan tahun kewangan pelaporannya pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam kaedah 7.

(2) Dalam keadaan jika—

(a) syarikat pemegangan muktamad tidak bermastautin di Malaysia dan tidak diwajibkan untuk memfailkan Laporan mengikut Negara dalam wilayah bidang kuasa mastautin cukainya;

(b) wilayah bidang kuasa yang di dalamnya syarikat pemegangan muktamad bermastautin bagi maksud cukai mempunyai Perjanjian Antarabangsa semasa yang Malaysia merupakan suatu pihak tetapi tidak mempunyai Perjanjian Pihak Berkuasa Berwibawa yang Layak yang berkuat kuasa yang Malaysia merupakan suatu pihak pada masa Laporan mengikut Negara dikehendaki difailkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 7; atau

(c) terdapat kegagalan sistemik wilayah bidang kuasa mastautin cukai syarikat pemegangan muktamad yang telah dimaklumkan oleh Ketua Pengarah kepada entiti konstituen yang bermastautin bagi maksud cukai di Malaysia,

syarikat pemegangan pengganti hendaklah memfailkan Laporan mengikut Negara yang mematuhi kehendak kaedah 4 dengan Ketua Pengarah berkenaan dengan tahun kewangan pelaporan Kumpulan MNC pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam kaedah 7.

(3) Bagi maksud kaedah ini—

“kegagalan sistemik”, berhubung dengan suatu wilayah bidang kuasa, ertinya jika suatu wilayah bidang kuasa yang menguatkuasakan Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa bagi Pertukaran Laporan mengikut Negara dengan Malaysia tetapi—

- (a) telah menggantung pertukaran secara automatik Laporan mengikut Negara atas sebab selain yang mengikut terma-terma Perjanjian itu; atau
- (b) telah gagal secara berterusan untuk memberi secara automatik kepada Malaysia Laporan mengikut Negara yang dalam milikannya bagi Kumpulan MNC yang mempunyai entiti konstituen di Malaysia;

“Perjanjian Pihak Berkuasa Berwibawa yang Layak” ertinya suatu perjanjian yang menghendaki pertukaran secara automatik Laporan mengikut Negara yang dibuat antara wakil Kerajaan yang diberi kuasa dengan wakil bagi kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia yang diberi kuasa yang kedua-dua kerajaan merupakan pihak-pihak kepada suatu Perjanjian Antarabangsa.

Pemberitahuan

6. (1) Mana-mana entiti konstituen suatu Kumpulan MNC yang bermastautin di Malaysia hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis sama ada entiti konstituen itu merupakan syarikat pemegang muktamad atau syarikat pemegang pengganti, pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan.

(2) Jika suatu entiti konstituen Kumpulan MNC yang bermastautin di Malaysia bukan merupakan entiti pelapor, entiti konstituen itu hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis identiti dan mastautin cukai entiti pelapor, pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan.

Masa pemfailan

7. Laporan mengikut Negara yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah difailkan tidak lewat daripada dua belas bulan selepas hari terakhir tahun kewangan pelaporan.

Penggunaan dan kerahsiaan maklumat Laporan mengikut Negara

8. (1) Ketua Pengarah boleh menggunakan Laporan mengikut Negara bagi maksud menaksir risiko penentuan harga pindahan peringkat tinggi dan risiko berkaitan penghakisan asas dan peralihan keuntungan yang lain di Malaysia, termasuklah menaksir risiko ketidakpatuhan oleh entiti konstituen Kumpulan MNC dengan kaedah-kaedah penentuan harga pindahan yang terpakai, dan jika sesuai, untuk analisis ekonomi dan statistik.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh menggunakan Laporan mengikut Negara sebagai pengganti bagi analisis penentuan harga pindahan terperinci bagi maksud pelarasan penentuan harga pindahan.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menjaga kerahsiaan maklumat yang terkandung dalam Laporan mengikut Negara sekurang-kurangnya pada takat yang sama yang akan terpakai sekiranya maklumat itu diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah peruntukan Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai.

Dibuat 18 Disember 2016

[Perb.0.6869/47(SJ.16)(SK1); LHDN.01/10.5-1/68.3-45; PN(PU2)80/LXXXV]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (COUNTRY-BY-COUNTRY REPORTING) RULES 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(c) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Country-by-Country Reporting) Rules 2016**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2017.

Application

2. These Rules shall apply to a multinational corporation group where—

(a) any of its constituent entities having cross border transaction with its other constituent entities;

(b) the total consolidated group revenue in the financial year preceding the reporting financial year is at least three billion ringgit;

(c) its ultimate holding company is incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*] or under any written law and resident in Malaysia; and

(d) its constituent entities are incorporated or registered under the Companies Act 1965 or under any written law or under the laws of a territory outside Malaysia and resident in Malaysia.

Interpretation

3. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“constituent entity” means —

- (a) any separate business unit of an MNC Group that is included in the consolidated financial statements of the MNC Group, or would be so included if equity interests in such business unit were traded on a public securities exchange;
- (b) any separate business unit that is excluded solely on grounds of size or materiality from the MNC Group’s consolidated financial statements;
- (c) any permanent establishment of any separate business unit of the MNC Group mentioned in paragraph (a) or (b), provided that the business unit prepares a separate financial statement for such permanent establishment for financial reporting, regulatory, tax reporting, or internal management control purposes;

“reporting entity” means the ultimate holding company, or where paragraph 5(2)(a), (b) or (c) applies, the surrogate holding company;

“multinational corporation group” (hereinafter referred to as “MNC Group”) means a collection of corporations related through ownership or control such that it is required to prepare consolidated financial statements for financial reporting purposes under the applicable accounting principles or would be so required if equity interest in any of its corporations were traded on a public securities exchange which includes—

- (a) two or more corporations the tax residence for which is in different jurisdictions; or

- (b) a corporation that is resident in Malaysia and is subject to tax with respect to the business carried out through a permanent establishment in another jurisdiction, or is resident in another jurisdiction and is subject to tax with respect to the business carried out through a permanent establishment in Malaysia;

“Country-by-Country Report” means the report referred to in rule 4;

“International Agreement” means—

- (a) the Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters;
- (b) any bilateral or multilateral tax convention; or
- (c) any tax information exchange agreement,

to which the Government is a party and that by its terms provides legal authority for the exchange of tax information between the Government and the government of any territory outside Malaysia, including automatic exchange of such information;

“ultimate holding company” means a constituent entity of an MNC Group that owns directly or indirectly a sufficient interest in one or more other constituent entities of such MNC Group;

“surrogate holding company” means a constituent entity of an MNC Group that is resident in Malaysia and appointed by the MNC Group as a sole substitute for the ultimate holding company to file the Country-by-Country Report under subrule 5(2);

“financial year” means an annual accounting period with respect to which the ultimate holding company of the MNC Group prepares its financial statements; and

“reporting financial year” means that financial year the financial and operational results of which are reflected in the Country-by-Country Report.

Country-by-Country Report

4. (1) For the purposes of these Rules, a Country-by-Country Report with respect to an MNC Group shall contain—

(a) aggregate information relating to the amount of revenue, profit or loss before income tax, income tax paid, income tax accrued, stated capital, accumulated earnings, number of employees, and tangible assets other than cash or cash equivalents with regard to each jurisdiction in which the MNC Group operates; and

(b) an identification of each constituent entity of the MNC Group setting out the jurisdiction of tax residence of such constituent entity, and where different from such jurisdiction of tax residence, the jurisdiction under the laws of which such constituent entity is organized, and the nature of the main business activity or activities of such constituent entity.

(2) The financial information referred to in paragraph (1)(a) shall be denominated in Ringgit Malaysia.

(3) The Country-by-Country Report shall be filed in a form prescribed under section 152 of the Act on an electronic medium, or through an electronic transmission, in extensible markup language format.

Filing obligation

5. (1) The ultimate holding company of an MNC Group that is resident in Malaysia shall file a Country-by-Country Report conforming to the requirements of rule 4 with the Director General with respect to its reporting financial year on or before the date specified in rule 7.

(2) In the case where—

- (a) the ultimate holding company is not resident in Malaysia and is not obligated to file a Country-by-Country Report in its jurisdiction of tax residence;
- (b) the jurisdiction in which the ultimate holding company is resident for tax purposes has a current International Agreement to which Malaysia is a party but does not have a Qualifying Competent Authority Agreement in effect to which Malaysia is a party at the time the Country-by-Country Report required to be filed as specified in rule 7; or
- (c) there has been a systemic failure of the jurisdiction of tax residence of the ultimate holding company that has been notified by the Director General to the constituent entity resident for tax purposes in Malaysia,

the surrogate holding company shall file the Country-by-Country Report conforming to the requirements of rule 4 with the Director General with respect to the reporting financial year of the MNC Group on or before the date specified in rule 7.

(3) For the purpose of this rule—

“systemic failure”, in relation to a jurisdiction, means where a jurisdiction has a Multilateral Competent Authority Agreement on the Exchange of Country-by-Country Reports in effect with Malaysia but—

- (a) has suspended automatic exchange of Country-by-Country Report for reasons other than those that are in accordance with the terms of that Agreement; or

- (b) has persistently failed to automatically provide to Malaysia the Country-by-Country Report in its possession of MNC Groups that have constituent entities in Malaysia;

“Qualifying Competent Authority Agreement” means an agreement which requires the automatic exchange of Country-by-Country Report made between authorized representatives of the Government and authorized representatives for the government of any territory outside Malaysia where both governments are parties to an International Agreement.

Notification

6. (1) Any constituent entity of an MNC Group that is resident in Malaysia shall notify the Director General in writing if it is the ultimate holding company or the surrogate holding company, on or before the last day of the reporting financial year.

(2) Where a constituent entity of an MNC Group that is resident in Malaysia is not the reporting entity, the constituent entity shall notify the Director General in writing of the identity and tax residence of the reporting entity, on or before the last day of the reporting financial year.

Time for filing

7. The Country-by-Country Report required under these Rules shall be filed not later than twelve months after the last day of the reporting financial year.

Use and confidentiality of Country-by-Country Report information

8. (1) The Director General may use the Country-by-Country Report for the purposes of assessing high-level transfer pricing risks and other base erosion and profit shifting related risks in Malaysia, including assessing the risk of non-compliance by constituent entities of the MNC Group with applicable transfer pricing rules, and where appropriate for economic and statistical analysis.

(2) The Director General shall not use the Country-by-Country Report as a substitute for a detailed transfer pricing analysis for the purpose of transfer pricing adjustments.

(3) The Director General shall preserve the confidentiality of the information contained in the Country-by-Country Report at least to the same extent that would apply if such information were provided to the Director General under the provisions of the Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters.

Made 18 December 2016

[Perb.Perb.0.6869/47(SJ.16)(SK1); LHDN.01/10.5-1/68.3-45; PN(PU2) 80/LXXXV]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]